

10/06/1999

KDNK dijangka tunjuk pertumbuhan positif

KELUARAN Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku kedua tahun ini dijangka menunjukkan pertumbuhan positif, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata kerajaan sudah tentu tidak boleh memastikan secara mutlak akan mencecah pertumbuhan positif itu, tetapi mengunjurkan negara berupaya mencapai pertumbuhan satu peratus positif menjelang akhir tahun ini.

"Ya, kita tengok keputusan suku kedua (tahun ini). Suku pertama seperti yang diketahui, ekonomi masih menurun dengan kira-kira 1.6 peratus (menguncup) tetapi ini adalah berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Tahun lalu, dalam suku pertama pertumbuhan masih baik. Cuma ke arah akhir tahun, pertumbuhan adalah buruk. Maka, jika kita bandingkan suku kedua tahun ini dengan suku kedua tahun lalu... kemungkinan untuk menunjukkan pertumbuhan positif," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melancarkan Minggu Pelaburan Bersama Permodalan Nasional Bhd (PNB) di Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai jangkaan KDNK bagi suku kedua 1999 setelah negara keluar daripada kemelesetan ekonomi.

Sementara itu, Ketua Urusetia Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Dr Sulaiman Mahbob, berkata suku pertama masih akan menunjukkan pertumbuhan negatif tetapi angkanya lebih kecil.

Katanya, perangkaan rasmi masih belum diumumkan tetapi pastinya ia adalah "negatif kecil.

Menurut beliau, daripada segi perbandingan tahun ke tahun, KDNK menguncup sedikit pada suku pertama tetapi memperlihatkan pertumbuhan positif berbanding tiga bulan sebelumnya.

Berucap pada majlis forum bertajuk "Pemulihan Ekonomi di bawah Rejim Kawalan Tukaran dan Kawalan Modal" anjuran Persatuan Bendahari Korporat Malaysia di Kuala Lumpur semalam, Dr Sulaiman berkata pertumbuhan KDNK akan bergerak ke lingkungan 'positif' pada suku kedua tahun ini.

(END)